

## Kolej Shell FuelSave 2013 cabar kreativiti pelajar

SEBANYAK enam pasukan dari institusi pengajian tinggi dan kolej tempatan bakal berentap untuk muncul juara dalam pertandingan Kolej Shell FuelSave 2013.

Institusi pengajian dan kolej yang mengambil bahagian bagi acara kali ini ialah Universiti HELP, Kolej IACT, Universiti Sunway, Universiti Taylor, Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman dan Universiti UCSI.

Pertandingan itu diadakan untuk mencabar kreativiti para pelajar dalam menghasilkan satu kempen komunikasi pelbagai saluran yang bertujuan mendidik generasi muda berhubung perbelanjaan pintar dan pilihan pemanduan.

Mereka yang menyertai pertandingan itu juga bakal memperoleh pengalaman bekerja dalam dunia pekerjaan sebenar. Pertandingan itu dilancarkan oleh Pengarah Urusan Shell Malaysia Trading Sdn. Bhd. dan Shell Timur Sdn. Bhd., Azman Ismail.

Juara pertandingan akan membawa pulang hadiah wang tunai RM15,000, sebuah trofi serta berpeluang menjalani latihan industri bersama Shell Malaysia, rakan agensi perhubungan antarabangsa dan medianya.

Tempat kedua dan ketiga masing-masing menawarkan hadiah RM8,000 dan RM5,000. Kedua-dua pasukan juga akan menerima sebuah plak.

Bagi membolehkan setiap pasukan merealisasikan pembangunan kampen masing-masing, dana sebanyak RM4,000 diberikan kepada mereka.

Maklumat lanjut boleh didapati menerusi laman web: [www.shell.com.my](http://www.shell.com.my).



AZMAN memberi ucapan kepada para peserta pertandingan Kolej Shell FuelSave 2013 baru-baru ini.